

# Cagamas terbit CMTN RM800 juta, IMTN RM25 juta

KUALALUMPUR: Cagamas Bhd semalam mengumumkan terbitan nota jangka sederhana konvensional (CMTN) bernilai RM800 juta dan nota jangka sederhana Islam (IMTN) bernilai RM25 juta.

Perbadanan gadai janji nasional itu dalam satu kenyataan berkata hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji dan pembiayaan Islam daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata CMTN satutahun bernilai RM800 yang diterbitkan itu diselesaikan menerusi pembukaan semula tranche bon sedia ada yang menandakan pembukaan semula kedua syarikat itu bagi tahun ini.

Beliau berkata sambutan **m e m b e r a n g s a n g k a n** terhadap terbitan itu membolehkan syarikat tersebut meningkatkan

jumlah pembukaan semula daripada RM500 juta kepada RM800 juta bagi CMTN dan membolehkan ia mengukuhkan harga sebanyak dua mata asas (bps) kepada kadar hasil akhir 3.95 peratus.

“Ini merupakan spread 56 bps mengatasi Sekuriti Kerajaan Malaysia satu tahun yang sama.

“IMTN satu tahun bernilai RM25 juta itu juga diletakkan harga kompetitif pada 3.95

peratus dan diselesaikan menerusi tawaran saham persendirian,” katanya.

CMTN dan IMTN merupakan terbitan ke-16 Cagamas bagi tahun ini, menjadikan jumlah terbitan utama agregat kepada RM9.3 bilion bagi tempoh Januari-Ogos 2018, menandakan peningkatan 24 peratus dalam penawaran utama syarikat berbanding RM7.5 bilion dalam tempoh yang sama pada 2017. - Bernama